



TINTA



**B E R I T A P E R P U S T A K A A N
A L A M D A N T A M A D U N M E L A Y U (P A T M A)**

M S P P E R P U S T A K A A N U K M 2 0 0 8



Perpustakaan UKM telah mengadakan Mesyuarat Semakan Pengurusan (MSP) Bil.1/2009 di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 15 - 17 Februari 2009. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UKM, Tuan Haji Abu Bakar Maidin turut disertai oleh Ketua Bahagian PTSL dan Ketua Perpustakaan. Perpustakaan ATMA diwakili oleh Puan Aripah Mohamed dan Puan Nor Asiah Mohamad.

Puan Aripah telah membentangkan laporan pencapaian objektif bagi Prosedur Perolehan Bahan, Prosedur Pinjaman dan Pemulangan Bahan, Prosedur Aduan Pelanggan, Analisis

Soal Selidik Kajian Kepuasan Pelanggan dan Laporan Penilaian Prestasi Pembekal bagi tahun 2008. Puan Nor Asiah membentangkan pencapaian objektif kualiti bagi Prosedur Pengkatalogan Bahan 2008.

Objektif utama mesyuarat ialah untuk membentangkan pencapaian objektif kualiti dan prestasi bahagian masing-masing disamping mengutarakan masalah dihadapi ataupun keperluan yang dikehendaki. Pihak Pengurusan Perpustakaan akan mengambil kira setiap pencapaian dan permasalahan yang dibentangkan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Perpustakaan kepada pelanggan.

S T A T I S T I K P A T M A 2 0 0 8

Perpustakaan ATMA telah merekodkan keahlian pada tahun 2008 sejumlah 1,212 orang merangkumi kakitangan akademik sebanyak 86 keahlian, pelajar Pasca Siswazah seramai 331 keahlian dan pelajar Pra Siswazah Tahun Akhir sebanyak 795 keahlian. Tahun 2008 juga telah mencatatkan aktiviti kunjungan ahli berdaftar sebanyak 37,519 orang di Aras 2 dan 4,904 orang di Aras 3. Manakala perpustakaan menerima kunjungan rujukan oleh pelajar Pra Siswazah Tahun 1 & 2 sebanyak 893 orang. Jumlah keseluruhan kunjungan ke PATMA adalah sebanyak 43,316. Bagi pinjaman pula, sebanyak 23,196 bahan telah dipinjam di Aras 2 dan 294 pinjaman di Aras 3. Jumlah bahan yang telah dipinjam pada tahun 2008 di PATMA ialah 23,490. Pihak PATMA mengharapkan bagi tahun 2009, jumlah keahlian akan bertambah seterusnya akan meningkatkan kunjungan pelajar dan peminjaman bahan di perpustakaan ini.

D A L A M I S U I N I

MSP Perpustakaan UKM	1
Statistik PATMA 2008	1
Lawatan Ke PTAR, UITM	2
Pameran Alam Melayu	2
Aktiviti 5S PATMA	3
Seminar Kebangsaan E-Komuniti 2009	3
Berita Warga PATMA	4



LAWATAN KE PTAR 1, UITM


Pada 11 Februari 2009, satu lawatan penanda aras ke Perpustakaan Tun Abdul Razak 1, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah diadakan. Lawatan ini diketuai oleh Pn Lela Ruzma Shaari melibatkan beberapa orang pegawai dan kakitangan dari Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan Perpustakaan UKM. PATMA diwakili oleh Pn Mariatul Qibtiah Isa. Antara yang menarik di perpustakaan tersebut ialah Sistem Lokar Pintar yang menjimatkan ruang, Computer Lab Information System (CLIS) iaitu sistem pendaftaran di makmal komputer, VRF (Virtual Reference Facilitator) yang membolehkan interaksi antara pelanggan dan pustakawan secara maya, dan sistem pemarkahan untuk servis kaunter yang boleh dibuat oleh pelanggan melalui skrin sentuh yang terletak di kaunter-kaunter perkhidmatan.



PAMERAN ALAM MELAYU



Majlis Pelancaran Buku 'The Malays' karya Anthony Milner telah disempurnakan oleh DYTM Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 10 Mac 2009 di Bilik Senat, UKM. Majlis ini dianjurkan oleh Institut Kajian Etnik (KITA), UKM dan Perpustakaan ATMA telah diminta menyediakan pameran mengenai Alam Melayu. Buku-buku yang berkaitan Alam Melayu, peta dan poster dipamerkan di lobi Canselori, UKM pada hari tersebut.



5S DI PEJABAT PATMA ARAS 3



Sebelum 5S



Selepas 5S



Sebelum 5S



Selepas 5S

Kakitangan PATMA telah menjalankan aktiviti 5S di Pejabat Aras 3, PATMA pada 29 Jan 2009. Pejabat Aras 3 PATMA dan kawasan kerja kakitangan kini lebih kemas dan teratur. Fail-fail ISO terutamanya telah disusun dan ditempatkan di satu sudut yang lebih sesuai.

SEMINAR KEBANGSAAN E-KOMUNITI 2009 DI KUALA LUMPUR



Pusat Kajian E-Komuniti UKM telah mengadakan Seminar Kebangsaan Merapatkan Jurang Digital : Masyarakat Berpengetahuan, Model Malaysia di Hotel PNB Darby Park, Kuala Lumpur pada 18 hingga 19 Mac 2009. Puan Mariatul Qibtiah Isa dari PATMA telah menyertai seminar tersebut yang dirasmikan oleh Pengarah Seksyen K-Ekonomi, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri iaitu Y Bhg Pn Azizah Ahmad. Sesi Plenari 1 dan 2 melibatkan pembentangan 8 kertas kerja. Pelbagai topik kertas kerja bertemakan Infrastruktur Masyarakat

Berpengetahuan, Teknologi Baru, Impak Teknologi Terhadap Masyarakat Malaysia, Konsep Masyarakat Berpengetahuan dan Model Masyarakat Berpengetahuan telah dibentangkan oleh penyelidik dari IPTA dan IPTS seluruh negara. Seminar yang membuka minda ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan maklumat dan latihan ICT kepada masyarakat terutamanya masyarakat di luar bandar, memaksima penggunaan teknologi dalam semua bidang termasuk pengajaran dan pembelajaran, pertanian dan perindustrian, merealisasikan e-komuniti, *m-learning* dan lain-lain supaya jurang digital masyarakat Malaysia didekatkan selari dengan perkembangan dunia masa kini.



*Petikan dari Tunjuk Pjar Dalam Pantun
Melayu (m.s. 107)*

*Apa tanda Melayu jati,
Belajarnya tekun sampai mati*

*Apa tanda Melayu jati,
Belajar dengan sepenuh hati*

*Apa tanda Melayu jati,
Berguru tidak membilang hati*

*Apa tanda Melayu jati,
Ilmu bermanfaat ia minati*

*Apa tanda Melayu jati,
Orang berilmu ia dekati*

BERITA WARGA PATMA

LANTIKAN



Tahniah diucapkan kepada Mohd Nazwan b. Abdul Kadir kerana telah ditawarkan jawatan Pembantu Am Pejabat N1 secara kontrak mulai 16 Februari 2009 di PATMA.

PERKAHWINAN

Setinggi tahniah buat Puan Rosnah Ahmad dan Mohd Said Saleh kerana sah bergelar suami isteri pada 14 Mac 2009. Majlis persandingan telah diadakan kediaman ibu bapa Rosnah di Felda Tenggara 5, Jemaluang, Mersing, Johor. Jarak yang jauh tidak menghalang beberapa orang kakitangan PATMA dan PTSL hadir bagi memeriahkan majlis bersejarah buat mereka berdua. Doa dari kami semua semoga kedua-dua mempelai kekal bahagia hingga ke akhir hayat.

Semoga kedua pengantin ini sentiasa dalam keberkatan Allah dan dikurniakan generasi penyambung dakwah sebagaimana mereka ini kelak.

